

Pengkategorian Makna dan Pemetaan Makna Leksikal *Cabul* dalam Akhbar Tabloid Melayu

Categorized and Mapping the Lexical Meaning that Describing Sexual Harassment (Oscenity/Lewd) Crimes in Malay Tabloid Press

Ain Nadhirah Mohd Shah¹, Rozaimah Rashidin²

^{1,2} Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor

¹ainnadhira310@yahoo.com

²rozai451@uitm.edu.my

Article history:

Received: 1 June 2021 Accepted: 27 July 2021 Published: 31 July 2021

ABSTRAK

Pengkategorian makna terhadap leksikal yang mempunyai pelbagai makna atau yang mengalami peluasan makna sering menimbulkan masalah kepada pengguna bahasa. Hal ini kerana pengguna bahasa sering keliru dan tidak pasti makna sebenar sesuatu leksikal itu berdasarkan konteks penggunaannya. Kajian tentang semantik leksikal telah banyak dijalankan tetapi kebanyakan kajian yang dijalankan berfokus kepada makna imbuhan, simpulan bahasa dan kata kerja sahaja. Kajian yang mengaitkan makna kata dengan jenayah seksual menggunakan data akhbar masih dianggap baru dan masih kurang jumlahnya. Kajian ini yang menggunakan Teori Prototaip akan memanfaatkan data akhbar berbentuk digital iaitu Harian Metro diharapkan dapat mengisi kelonggaran yang sedia ada. Teori Prototaip ini dibuktikan dapat membantu merungkai proses kognitif yang terlibat semasa pembaca cuba memahami makna sebenar makna kata yang menggambarkan jenayah seksual cabul ini. Kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan semantik kognitif dengan memanfaatkan teori Prototaip dan juga konsep pemetaan leksikal telah membantu proses pemahaman ujaran berlaku. Kesemua proses kognitif ini digunakan dalam membantu pembaca memahami makna sebenar sesuatu kata itu. Kajian ini membuktikan bahawa leksikal yang digunakan bagi menggambarkan jenayah cabul mudah difahami oleh pembaca namun terdapat ciri lain yang boleh digunakan oleh penulis bagi menerangkan jenayah seksual cabul tersebut. Hal ini bertujuan memudahkan lagi pemahaman pembaca tentang jenayah seksual cabul. Keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa leksikal yang digunakan adalah bersesuaian dengan konsep jenayah cabul tersebut.

Kata Kunci: Leksikal, Teori Prototaip, Semantik Kognitif, Domain, Skema Imej, Pemetaan Leksikal

ABSTRACT

The categorization of meanings against lexical items that have multiple meanings or that undergo an expansion of meaning often poses problems to language users. This is because language users are often confused and unsure of the true meaning of a lexical item based on the context of its use. Studies on lexical semantics have been extensively conducted but most of the studies conducted focus on the meaning of adjectives, idioms and verbs only. Studies linking word meaning to sexual crime using newspaper data are still considered new and still lacking in number. This study, which uses Prototype Theory, will utilize digital newspaper data, namely Harian Metro, which is expected to fill the existing gaps. This prototype theory is proven to help unravel the cognitive processes involved as the reader tries to understand the true meaning of the word meaning that describes this obscene sexual crime. This study also proves

that the use of cognitive semantics by utilizing prototype theory as well as the concept of lexical mapping has helped the process of utterance comprehension take place. All these cognitive processes are used in helping the reader understand the true meaning of a word. This study proves that the lexical used to describe the obscene crime is easily understood by the reader but there are other features that can be used by the author to describe the obscene sexual crime. This aims to further facilitate the reader's understanding of obscene sexual crimes. Overall, the results of this study found that the lexical used is appropriate to the concept of the crime of obscenity.

Keywords: *Lexical, Prototype Theory, Cognitive Semantics, Domain, Lexical mapping*

Pengenalan

Semantik ialah merupakan satu bidang yang menfokuskan kepada kajian makna. Kajian tentang makna ini sebenarnya menjadi sebahagian daripada ilmu linguistik kerana sesuatu bahasa itu tidak akan sempurna jika tiada unsur makna. Kenyataan ini bertepatan dengan apa yang dibincangkan oleh tokoh-tokoh bahasa terdahulu antaranya seperti Abu Bakar Hamid (1967), Awang Had Salleh (1959) dan sebagainya. Abu Bakar Hamid (1967:160-165) dalam Abdullah Yusof (2009:14) menyatakan makna memainkan peranan penting dalam pemakaian bahasa. Hal ini kerana tanpa makna, sesuatu bahasa itu tidak akan dapat difahami dan tidak berguna. Awang Had Salleh (1959:633-640) dalam Abdullah Yusof (2009:15) pula menyatakan makna adalah merupakan satu hal yang sangat luas. Hal ini kerana ia mempunyai hubungan langsung dengan otak penutur. Tambahan lagi, menurut Schaff (1962:8) dalam Hashim Musa (1998:3), bidang kajian makna dalam linguistik ini tertumpu kepada dua perkara utama iaitu hubungan antara pernyataan bahasa dengan maknanya dan juga perubahan makna, sebab-sebab perubahan makna, serta sejarah makna itu sendiri. Oleh itu, jelas disini bahawa bidang semantik adalah merupakan satu bidang yang penting dalam linguistik.

Sementara itu, dalam bidang semantik, terdapat juga sub-bidang yang dipanggil semantik leksikal. Kajian semantik secara am adalah meneliti aspek makna secara umum dalam genre yang pelbagai. Semantik leksikal pula mengkaji makna pada peringkat leksikal. Leksikal merujuk kepada perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Fatimah Djajasudarma (1993) menyatakan bahawa makna kata yang disebut sebagai lexical meaning, semantic meaning, dan external meaning dalam bahasa Inggeris adalah terdiri daripada unsur-unsur bahasa sebagai lambang sesuatu benda, peristiwa dan sebagainya. Selain itu, makna kata juga mengandungi maksud yang bersifat leksikon, makna yang sesuai dengan referennya, dan makna yang sesuai dengan pemerhatian pancaindera (Adrienne Lehrer, 1992). Tambahan lagi, menurut Abdul Chaer (1994), leksikal atau kata merupakan bentuk sifat yang diturunkan daripada bentuk nomina leksikon iaitu vocabulary, kosa kata dan perbendaharaan kata. Oleh yang demikian, leksikal boleh didefinisikan sebagai makna yang bersifat leksikon, leksem dan kata. Maksud sesuatu kata boleh diketahui dengan mengambil kira beberapa faktor antaranya ialah pengalaman, kebudayaan, konteks, emosi dan sebagainya.

Pemilihan perkataan yang tepat dan bersesuaian dengan konteks memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Hal ini bertujuan mengelakkan maklumat yang cuba disampaikan disalah tafsir oleh masyarakat berikutan terdapat kata yang mempunyai makna yang pelbagai dan mengalami peluasan makna. Sehubungan itu, peranan media dilihat penting dalam hal ini kerana media berperanan sebagai orang tengah dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Tambahan lagi, masyarakat pada hari ini dilihat mudah terpengaruh dengan perkara yang dibaca, dilihat dan didengarnya (Anne Blauenfeldt, 2014). Selain itu, setiap penulis mempunyai cara tersendiri dalam menyampaikan maklumat. Oleh sebab itu, berita yang ditulis sudah semestinya akan dipengaruhi oleh konsep yang ada dalam ruang mental seseorang penulis itu misalnya perkataan yang ingin ditulis, latar belakang dan juga perkara yang dikehendaki (Fairclough dan Fowler, 1995). Oleh itu, media perlu memainkan peranan mereka dengan bijak dalam menyampaikan sesuatu berita iaitu berdasarkan fakta dan bukannya emosi atau ideologi penulis semata-mata. Oleh sebab itu, pemilihan perkataan yang ingin digunakan sangat penting kerana ia mampu mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu khususnya yang berkaitan dengan jenayah seksual. Sehubungan itu, laporan akhbar jenayah seksual dipilih sebagai data kajian bertujuan melihat penggunaan makna dan pengkategorian makna yang menggambarkan jenayah cabul berikutan terdapat kata yang mempunyai makna yang pelbagai selain peranan media yang mampu mempengaruhi pendapat dan pemikiran masyarakat terhadap sesuatu isu atau perkara yang sedang atau yang telah berlaku dengan konsep jenayah cabul tersebut.

Permasalahan Kajian

Kebebasan penulis dalam memilih perkataan khususnya bagi menggambarkan jenayah seksual dilihat sebagai satu isu yang amat penting. Ini kerana setiap penulis bebas menggunakan idea mereka bagi menggambarkan jenayah seksual tersebut sama ada dengan menggunakan leksikal yang mengandungi unsur tersirat mahupun tersurat serta menggunakan pandangan peribadi mereka dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Peranan media dalam mempengaruhi masyarakat telah dilihat dari sudut linguistik oleh Fairclough dan Fowler (1995) dengan mempertikaikan cara seseorang penulis berita itu menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Menurut beliau, setiap individu mempunyai konsep yang tersendiri tentang sesuatu isu termasuklah seorang penulis berita. Justeru itu, berita yang ditulis semestinya dipengaruhi oleh konsep yang ada dalam ruang mental seseorang penulis berita misalnya ideologi dan pandangan peribadi berkenaan sesuatu isu. Hal ini juga turut dipersetujui oleh Fairclough (1995) yang mengatakan bahawa seseorang penulis itu boleh memilih perkataan yang ingin ditulis, latar belakang dan juga perkara yang dikehendaki apabila memberikan sesebuah konsep terhadap sesuatu isu misalnya jenayah seksual. Namun, adakah kata yang dipilih dan digunakan menepati konsep jenayah cabul? Hal ini berikutan terdapat kata yang mempunyai makna pelbagai dan turut mengalami peluasan makna. Pengkategorian makna terhadap leksikal yang mempunyai pelbagai makna atau yang mengalami peluasan makna sering menimbulkan masa-

Universiti Teknologi MARA, Vol. 5, No. 3, 2021

lah kepada pengguna bahasa. Hal ini kerana pengguna bahasa sering keliru dan tidak pasti makna sebenar sesuatu leksikal itu berdasarkan konteks penggunaannya. Pemilihan perkataan yang tepat dan bersesuaian dengan konteks memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Hal ini bertujuan mengelakkan maklumat yang cuba disampaikan disalah tafsir oleh masyarakat berikutan terdapat kata yang mempunyai makna yang pelbagai dan mengalami peluasan makna.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan leksikal cabul dalam akhbar, menganalisis peluasan makna leksikal cabul dalam akhbar menggunakan Teori prototaip, dan mengkategorikan serta memetakan makna leksikal cabul berdasarkan penggunaannya dalam akhbar jenayah seksual.

Kajian Lepas

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian yang dijadikan rujukan dalam menjalankan kajian ini menekankan kepentingan media dalam menyampaikan sesuatu berita kepada masyarakat misalnya kajian yang dilakukan oleh Fairclough dan Fowler (1995) yang melihat kepada peranan media dari sudut linguistik secara kritis, Meyer (2010) yang melihat kepada peranan media dalam memberikan konsep terhadap pedofil dan juga perogol, O Hara (2012) yang mengkaji leksikal rogol dalam media. Menurut Van Dijk (1993), masyarakat pada hari ini lebih mempercayai media oleh kerana mereka berasaskan media adalah sumber yang boleh dipercayai dalam menyampaikan maklumat yang tepat berkenaan sesuatu isu. Oleh sebab itu, pemikiran masyarakat misalnya di kampung-kampung dan bandar-bandar serta kaum minoriti lebih mudah untuk dimanipulasi berikutan mereka sering merujuk kepada media bagi mempertahankan pendapat mereka. Kenyataan ini juga jelas bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Bennet (1992) yang mana akhbar melaporkan dan *merakam peristiwa*-peristiwa penting melalui penggunaan bahasa. Akhbar juga berperanan mengubah, mencipta, dan menyebarkan pengaruh bagi kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, akhbar adalah tempat terisinya pelbagai idea, saranan, cadangan, dan pendapat yang disampaikan dalam pelbagai ruangan yang disediakan, bermula dari berita semasa, hinggalah kepada berita politik, sukan, hiburan, kesusasteraan dan pelbagai. Walau bagaimanapun, objektif kajian, metodologi kajian dan fokus kajian telah menghasilkan dapatan dan perbincangan yang berbeza antara satu sama lain. Pengkaji juga mendapati bahawa kajian mengenai leksikal dalam media yang berunsurkan jenayah seksual perlu diperbanyakkan lagi di Malaysia. Meskipun terdapat kajian mengenai jenayah seksual yang dilakukan di Malaysia, namun kajian tersebut tidak memfokuskan kepada bidang semantik sebaliknya memfokuskan kepada bidang analisis wacana. Meskipun terdapat beberapa kajian seperti kajian Anne Blaundefeldt (2014) yang mengkaji penggunaan leksikal perogol dan pe-

dofil dan Meyer (2010) yang mengkaji peranan media dalam memberikan konsep terhadap perogol dan pedofil, kajian ini dilakukan di luar Malaysia dan kajian yang dihasilkan hanya memfokuskan kepada analisis wacana. Oleh sebab itu, pengkaji memilih untuk mengkaji leksikal rogol dan cabul dalam akhbar tabloid Melayu dan melakukan pemetaan leksikal bertujuan memberikan pemahaman kepada pembaca tentang jenayah seksual rogol dan cabul. Bagi kes jenayah pula, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian lepas yang dijumpai hanya memfokuskan kes jenayah secara umum. Namun, itu tidak bermakna tidak ada kajian yang memfokuskan kepada jenayah seksual. Misalnya, kajian Anne Blauenfeldt (2014) yang bertajuk *Violent Rapist and Depraved Paedophile: Linguistic Representation of Sex Offenders in the British Tabloid Press* memfokuskan kepada jenayah seksual rogol dan pedofil. Walau bagaimanapun, jenayah seksual seperti rogol dan pedofil lebih banyak difokuskan berbanding jenayah seksual lain.

Hülse dan Spenser (2008) telah melakukan kajian dengan melihat penggunaan metafora dalam mendefinisikan penganas yang menumpukan kumpulan Al-Qaeda. Kajian ini telah membuka ruang yang baharu dalam penelitian terhadap penggunaan metafora. Menerusi dokumen yang diperolehi daripada pangkalan data Bild-Zeitung iaitu surat khabar German, kajian ini melihat bagaimana perubahan pandangan masyarakat terhadap kumpulan Al-Qaeda seterusnya, memberi kesan terhadap keputusan dalam menanginya. Daripada tiga peristiwa yang membabitkan kumpulan Al-Qaeda iaitu ancaman penganas di New York, Madrid, dan London, hasil kajian menunjukkan bahawa Bild-Zeitung mengubah penggunaan metafora daripada PEPERANGAN kepada PERLAKUAN JENAYAH. Hal ini disebabkan oleh kesan daripada serangan kumpulan Al-Qaeda berbeza daripada kesan berlakunya sesebuah peperangan. Hasil perubahan tersebut telah menjadikan kumpulan Al-Qaeda daripada kumpulan ketenteraan kepada penjenayah. Disebabkan itu, pihak kerajaan turut mengubah polisi perundangan dan tindakan yang diambil kepada kumpulan Al-Qaeda dengan melabelkan mereka sebagai penjenayah yang perlu ditumpaskan.

Armstrong (2009), juga bersetuju bahawa metafora mampu mempengaruhi tindakan membasmi jenayah dalam kajian yang dilakukan olehnya. Kajian ini lebih memfokuskan kepada penggunaan metafora dalam membantu penggubalan polisi jenayah yang baru. Data kajian ini diambil daripada dokumen Polisi Scottish (Scottish Policy Document) yang melihat penggunaan metafora bagi isu berkaitan pelaku jenayah seksual yang serius (The Serious Violent Sexual Offender-SVSO) dan risiko pengurusan (Risk Management). Penggunaan teori Metafora Konseptual (Conceptual Metaphor Theory, CMT) dalam kajian ini adalah kerana teori ini dapat menyediakan kerangka analitikal bagi mengenal pasti peranan metafora dalam membentuk polisi jenayah. Hasil kajian mendapati bahawa, SVSO boleh dikategorikan kepada tiga kelompok kumpulan iaitu PESALAH ADALAH PESAKIT, PESALAH ADALAH BINATANG YANG BERBAHAYA dan PESALAH ADALAH KLIEN TERAPEUTIK. Kajian ini menunjukkan bahawa

penggunaan metafora dalam kes krimonologi amat penting bagi pelaksanaan dasar polisi jenayah yang efektif.

Thibodeau dan Boroditsky (2011) telah melakukan kajiannya mengenai perbandingan kesan pengaruh penggunaan metafora dan latar belakang seseorang seperti fahaman politik dan jantina terhadap keputusan yang dilakukan bagi menangani masalah jenayah. Melalui kaji selidik yang dilakukan menggunakan Amazon's Mechanical Turk, seramai 485 pelajar diambil sebagai responden. Hasil kajian mendapati bahawa pengaruh penggunaan metafora adalah lebih besar iaitu sebanyak 48% berbanding fahaman politik iaitu sebanyak 40% dan jantina sebanyak 12% dalam membuat keputusan bagi penguatkuasaan membanteras jenayah. Pengaruh penggunaan metafora lebih besar kerana masyarakat dapat menggambarkan isu yang kompleks dengan lebih jelas. Kajian ini juga menggunakan metafora JENAYAH ADALAH RAKSASA dan JENAYAH ADALAH VIRUS bagi melihat cara masyarakat menyelesaikan isu jenayah. Hasil kajian mendapati masyarakat memilih hukuman yang berat kepada pesalah misalnya hukuman penjara bagi penggunaan metafora JENAYAH ADALAH RAKSASA. Bagaimanapun, masyarakat lebih memilih untuk mencari punca pemasalahan bagi penggunaan metafora JENAYAH ADALAH VIRUS. Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan metafora yang berbeza dalam mengkonsepsikan sesuatu isu itu akan menghasilkan tindak balas yang berbeza-beza daripada pembaca amnya, masyarakat khususnya.

Selain itu, kajian mengenai penggunaan metafora dalam media berunsurkan jenayah seksual masih lagi kurang dilakukan di Malaysia. Meskipun Kelling (1990), Hulse dan Spenser (2008) dan Thibodeau dan Boroditsky (2011) telah mengkaji peranan metafora dalam media tentang jenayah seksual, namun, kajian tersebut dilakukan di luar Malaysia. Tambahan lagi, setiap orang mempunyai konsepsi yang tersendiri mengenai sesuatu perkara atau isu. Namun, kadangkala masyarakat setempat berkongsi konsepsi yang sama hasil daripada pengalaman badaniah yang sama disebabkan tinggal di sesebuah kawasan yang sama. Oleh sebab itu, terdapat kemungkinan bahawa penulis berita di Malaysia menghasilkan metafora konsepsi yang berbeza dan khusus terhadap variasi jenayah seksual berbanding masyarakat di luar negara. Oleh itu, kajian ini akan cuba melihat sama ada wujud atau tidak penggunaan ujaran yang bersifat metafora dalam media dalam memberikan penerangan dan pemahaman terhadap isu jenayah seksual seperti cabul di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah kualitatif dan analisis kandungan bagi menganalisis data-data kajian. Kajian ini menggunakan data akhbar berbentuk digital iaitu Harian Metro berikutan akhbar ini telah berjaya mencapai melebihi 8 juta paparan muka setiap bulan. Kadar paparan yang

tinggi menunjukkan Harian Metro sebagai salah satu sumber rujukan yang utama bagi mendapatkan maklumat (My Metro, n.d.). Data-data yang diambil daripada bulan Januari sehingga September ini diperolehi daripada carian leksikal 'cabul' bertujuan memudahkan pemilihan data leksikal cabul. Keseluruhan data yang dijumpai adalah sebanyak 38 daripada 50 data akhbar yang dijana. Selain itu, kajian ini juga tidak melihat kepada kesemua jenayah seksual yang berada di bawah Akta Kanun Keseksaan 1976 sebaliknya hanya memfokuskan kepada jenayah seksual cabul kerana jenayah cabul mencatatkan bilangan kes di Malaysia iaitu sebanyak 1083 kes dari bulan Januari hingga September 2017 (PDRM,2017). Oleh itu, hanya penggunaan leksikal cabul sahaja yang dijana daripada data ini bagi membolehkan pengkaji untuk fokus dalam menyelesaikan isu dan permasalahan kajian ini.


Konsep

Kajian Pengkategorian Makna Cabul Dalam Akhbar Tabloid Melayu ini menggunakan pendekatan semantik kognitif dengan memanfaatkan teori prototaip dan konsep pemetaan leksikal. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin dan Rozaimah Rashidin (2008) semantik kognitif adalah merupakan pendekatan yang bertunjangkan pengalaman (*experientialist approach*) iaitu mengambil kira pengalaman lampau dan alam sekeliling. Menurut mereka lagi, makna adalah berlandaskan struktur konseptual yang lazim (*conventionalized conceptual structure*). Norsimah (dalam Mariati Mokhtar, 2009) juga turut menyatakan bahawa struktur semantik mencerminkan kategori mental yang memang sedia ada pada manusia berdasarkan pengalaman dan pergaulan dengan dunia sekitarnya. Struktur konseptual yang penting dalam semantik kognitif ialah skema imej dalam (Saeed,1997). Prinsip asas di sebalik skema imej ini adalah berdasarkan pengalaman manusia berada dan berinteraksi di dalam dunia ini iaitu mengesan dan merasakan (*perceive*) keadaan di sekeliling mereka, menggerakkan tubuh dan lain-lain lagi. Oleh itu, seseorang individu itu akan membentuk struktur-struktur konseptual dan kemudiannya digunakan bertujuan menyusun pemikiran bagi ranah-ranah yang lebih abstrak.

Perkembangan semantik kognitif ini adalah merupakan satu tindak balas terhadap pandangan tentang pengkategorian secara tradisional atau klasik, semantik struktural generatif, dan teori fitur. Hal ini kerana manusia sering melakukan pengkategorian atas dasar tersebut. Semantik kognitif ini melihat pengkategorian sebagai sesuatu yang lebih kompleks yang boleh dijelaskan menerusi Teori Prototaip. Teori prototaip, kategori jaringan radial, domain, metafora konsepsi, dan skema imej adalah merupakan beberapa konsep penting yang terdapat dalam semantik kognitif.

Sementara itu, pemetaan makna leksikal pula adalah apabila sesuatu kata itu dikonsepsikan sebagai satu kata yang mempunyai pelbagai makna atau mempunyai makna yang sama atau hampir sama dengan kata yang lain. Pemetaan ini dilakukan bertujuan melihat kata yang lebih tepat menggambarkan konsep dan mak-

sud sebenar sesuatu kata itu. Elemen-elemen yang perlu ada dalam pemetaan leksikal ini adalah cluster, area, branch, twig, dan chain. Cluster merujuk kepada tiga atau lebih perkataan yang mempunyai persamaan dengan kata yang lain dan ia boleh bertambah dan bergantung kepada branch dan twigs. Cluster yang paling sederhana adalah segitiga. Area pula adalah satu kelompok yang rumit, cawangan dan ranting yang saling berkaitan yang mempunyai hubungan antara satu sama lain, namun keseluruhan relatif tidak berkaitan dengan ciri-ciri lain. Branch pula adalah beberapa istilah garis bifurka yang satu di antaranya mengarah kepada yang lain, tetapi kekurangan garis hubungan akan kembali membentuk Cluster. Twig adalah satu istilah yang berkaitan dengan hanya satu istilah lain dan akhir sekali, chain, merupakan satu siri istilah, masing-masing hanya berkaitan dengan dua istilah di kedua-dua pihak sahaja. Tambahan lagi, Ortony (1988) menyatakan bahawa meskipun kluster, walaupun dikenal pasti dalam cara yang hampir mekanikal, pada hakikatnya secara teorinya sangat penting, kerana ia adalah kumpulan kata-kata yang serupa yang sesuai dengan apa yang dimaksudkan dengan "emosi" walaupun terdapat kecenderungan menyamakan satu kata dengan satu emosi. Berikut adalah contoh pemetaan leksikal bagi kata **sedih**.




Rajah 1: Pemetaan leksikal bagi kata *sedih*

Teori Prototaip

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Prototaip yang telah dipelopori oleh Eleanor Rosch (1975) iaitu seorang ahli psikologi kognitif dalam (Norsimah, 2007). Teori prototaip ini secara asasnya adalah merupakan suatu konsep tentang pengkategorian. Pengkategorian dalam teori ini bukanlah berlandaskan ciri-ciri kesepunyaan tetapi berlandaskan perspektif teras dan pinggir dalam setiap pengkategorian. Dalam erti kata lain, teori prototaip ini adalah merupakan teori yang memperlihatkan bahawa *pengkategorian* adalah berasaskan kepada beberapa prinsip kognitif dan bukannya teori yang berlandaskan

pada ciri-ciri kesepunyaan seperti yang diketengahkan oleh teori klasik pengkategorian. Teori ini berfungsi menentukan kedudukan entiti yang akan menjelaskan makna utama (makna teras) dan makna sampingan (makna pinggiran). Dalam hal ini, entiti yang sedikit persamaannya, menurut Norsimah Mat Awal (2002) dikategorikan sebagai ahli pinggiran yang juga disebut sebagai entiti pinggiran, atau makna pinggiran. Tambahan lagi, Norsimah Mat Awal (2002) berkata, entiti yang dominan atau memiliki persamaan yang banyak dalam konteks berkenaan, dikategorikan sebagai entiti teras, ahli teras, atau makna teras.

Di samping itu, menurut Nor Hashimah Jalaluddin dan Rozaimah Rashidin (2008), dalam teori klasik prototaip, setiap entiti yang mempunyai ciri-ciri yang sama dikategorikan dalam satu kategori manakala bagi teori baru prototaip pula satu-satu entiti dikategorikan mengikut ciri-ciri contoh yang masdar (focal exemplar). Contoh yang masdar inilah yang dikatakan sebagai prototaip atau teras (Hawiyah dalam Hashimah dan Rozaimah,2008). Menurut mereka lagi, kedudukan sesuatu entiti dalam suatu kategori bergantung pada darjah atau tahap entiti itu menyerupai contoh yang masdar dan entiti yang kurang mempunyai persamaan dilabelkan sebagai ahli pinggiran.



Rajah 2: Rajah prototaip asas

Sumber: Disesuaikan dari Rosch dan Merlis (1975, hlm.588)

Rajah 2 di atas menunjukkan bagaimana prototaip asas berkembang. Rosch dan Merlis (1975) menyatakan bahawa kedudukan sesuatu makna berbanding makna yang lain tidak berada pada tahap yang sama. Hal ini kerana ada makna yang menjadi ahli teras dan ada makna yang menjadi ahli pinggiran. A merujuk kepada nod sentral yang menjadi prototaip kepada nod B dan C yang berkembang dan membentuk makna tersendiri yang berbeza dari makna asal nod sentral. Oleh itu, dapat dikatakan A (nod sentral) ialah makna teras, sementara nod B dan C pula berada pada kedudukan makna pinggiran. Dalam keadaan lain, prototaip asas ini boleh berkembang kepada rangkaian yang lebih kompleks dengan nod B misalnya membentuk makna-makna baru di bawahnya dengan label seperti B1, B2 dan B3. Dalam hal ini, Taylor (1995) mengatakan sesetengah leksikal lebih sesuai diberikan analisis yang melibatkan prototaip asas (monosen-

trik), manakala bagi sesetengah leksikal yang melibatkan beberapa prototaip (polisentrik) dalam satu struktur mirip kepada jaringan dan rangkaian keluarga pula, lebih sesuai dianalisis sebagai rangkaian kompleks (Brugman, & Lakoff: 1988). Kedudukan sesuatu makna (sama ada teras atau pinggiran) ditentukan oleh kadar persamaan ciri-cirinya dengan ciri-ciri contoh yang masdar atau tulen. Sesuatu makna akan menjadi ahli teras sekiranya mempunyai kadar persamaan yang paling banyak dengan contoh yang masdar, dan akan menjadi ahli pinggiran sekiranya kadar persamaannya kurang atau jauh dari contoh yang masdar. Dalam membincangkan hal ini, Dirven dan Verspoor (1998) mengatakan terdapat dua kaedah untuk menentukan makna teras bagi sesuatu kata. Kaedah pertama ialah dengan membuat pengiraan secara statistik. Makna yang paling kerap digunakan boleh dikategorikan sebagai makna teras. Kaedah kedua pula ialah dengan meneliti makna manakah yang lebih berkesan atau lebih berupaya untuk menjelaskan makna-makna yang lain. Sekiranya makna tersebut berupaya menerangkan makna-makna yang lain, maka makna tersebut boleh dikategorikan sebagai makna teras. Oleh itu, sebelum menentukan kedudukan makna teras bagi leksikal rogol dan cabul, sama ada masih kekal sebagaimana makna teras yang terakam dalam Kamus Dewan ataupun telah mengalami perubahan, kajian ini akan membincangkan data yang akan digunakan, beserta tatacara analisis kajian ini dijalankan.


Analisis dan Perbincangan

Cabul merujuk kepada perbuatan keji lagi kotor, tidak senonoh, tidak sopan atau kata-kata yang melanggar adat kebiasaan (Kamus Undang-Undang, 2005). Selain itu, cabul juga boleh ditakrifkan sebagai perbuatan yang menodai atau mencemarkan kehormatan perempuan. Jenayah cabul ini dianggap sebagai satu jenayah seksual yang tidak bermoral kerana ia mendatangkan kesan negatif kepada mangsanya. Oleh itu, bagi meningkatkan pemahaman pembaca tentang jenayah seksual cabul ini, peranan media dilihat amat penting terutamanya dalam menyampaikan maklumat berkenaan jenayah seksual cabul. Hal ini bertujuan memastikan kata yang dipilih itu membawa makna yang bertepatan dan bersesuaian dengan konsep jenayah cabul itu sendiri. Untuk itu, pengaplikasian Teori Prototaip (TP) diterapkan dalam Jadual 1 dan Rajah 3 di bawah.

Jadual 1 memperlihatkan pengkategorian makna teras dan pinggiran kata ‘cabul’ berdasarkan penggunaannya di dalam data. Berdasarkan senarai makna teras dan makna pinggiran yang terdapat dalam Jadual 1, makna teras bagi kata ‘cabul’ merujuk kepada perbuatan yang mencemarkan kehormatan wanita manakala makna pinggiran pula bersifat makna yang seerti dengan kata cabul. Berdasarkan contoh dalam Jadual 1, kesemua contoh bagi makna teras menerangkan jenayah seksual cabul secara terus menerusi leksikal mencabul. Misalnya, data (1) iaitu "Pada perjumpaan kali kelima lelaki itu bertindak mencabul saya". Begitu juga dengan data (2) dan (3) iaitu "Tertuduh didakwa mencabul anak tirinya di dalam bilik

sebuah rumah di Taman Pengkalan Indah, 3 pagi, 30 Mac 2017” dan “Lelaki itu didakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap mangsa yang berusia 18 tahun dengan niat hendak mencabul kehormatannya”. Contoh seterusnya iaitu data (4) dan (5) juga merujuk kepada makna teras cabul menerusi leksikal mencabul. Berdasarkan senarai contoh data makna kata ‘cabul’ di atas, didapati tidak ada ciri jelas yang membezakan kesemua makna tersebut. Hal ini kerana kesemua makna tersebut merujuk dan menggambarkan perbuatan yang mencemarkan kehormatan seseorang. Hal ini jelas memperlihatkan penulis hanya menggunakan leksikal cabul secara terus bagi menggambarkan jenayah seksual cabul.

Walau bagaimanapun, menerusi contoh-contoh data tersebut, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat ciri lain yang boleh menjelaskan makna pinggiran bagi kata ‘cabul’ sebagai makna yang seerti dengan kata cabul. Umum mengetahui bahawa cabul adalah merupakan leksikal yang sering digunakan oleh penulis bertujuan menggambarkan jenayah cabul. Namun, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan cabul dan bagaimanakah ia diterangkan kepada umum?



Rajah 3: Makna teras dan makna pinggiran kata ‘cabul’

Jadual 1: Makna teras dan makna pinggiran kata ‘cabul’

Makna Teras	Makna Pinggiran
<p>Keji dan kotor, tidak sopan, tidak senonoh, melanggar kesusilaan (bukan perbuatan, tindakan, pertuturan, dll), melanggar adat dan kebiasaan (bkn kelakuan dsb), (sangat) buruk, melanggar larangan (pantang), menodai, mencemari (kehormatan perempuan dll).</p> <p>Contoh data:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) "Pada perjumpaan kali kelima lelaki itu bertindak <i>mencabul</i> saya. 2) Tertuduh didakwa <i>mencabul anak tirinya</i> di dalam bilik sebuah rumah di Taman Pengkalan Indah, 3 pagi, 30 Mac 2017. 3) Lelaki itu didakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap mangsa yang berusia 18 tahun dengan niat hendak <i>mencabul</i> kehormatannya. 4) Tertuduh didakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap remaja perempuan berusia 14 tahun satu bulan dengan <i>mencabul</i> kehormatan mangsa. 5) Dia didakwa menggunakan kekerasan kepada seorang wanita, Yeap Woan Tyng, 34, dengan niat <i>mencabul</i> kehormatannya 	<p>1 (a) Makna yang seerti dengan kata Cabul; Contoh data:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pada pertemuan pertama itu, dia sudah bertindak berani <i>menyentuh</i> saya. (HM, hlmn08,Jun2017) 2. Azmi didakwa menunjukkan video lucu kepada gadis itu dengan maksud <u>mengaibkan kehormatannya</u> pada masa dan lokasi yang sama. (HM,hlmn16,Mei 2017)

Berikut adalah merupakan dua contoh data makna pinggiran bagi leksikal ‘cabul’ yang diambil daripada akhbar Harian Metro yang telah dikenal pasti menggunakan leksikal yang menggambarkan jenayah cabul;

Data 1) ‘‘Pada pertemuan pertama itu, dia sudah bertindak berani *menyentuh* saya.’’
 (HM, hlmn 08,Jun 2017)

Data 2) Azmi didakwa menunjukkan video lucu kepada gadis itu dengan maksud *mengaibkan kehormatannya* pada masa dan lokasi yang sama.
 (HM,hlmn16,Mei 2017)

Data 1 di atas adalah data yang menggambarkan jenayah seksual cabul menerusi leksikal menyentuh. Meskipun ujaran dalam data 6 menggunakan leksikal yang mudah difahami, namun, leksikal tersebut boleh menimbulkan ketaksaan makna. Oleh sebab itu, leksikal tersebut perlu diperhalusi agar makna atau maklumat yang hendak disampaikan itu bersesuaian dengan konteks ujaran tersebut dan seterusnya dapat memaparkan maksud sebenar bagi konteks ayat ini. Sebagaimana proses pemahaman data-data sebelum ini,

pengkaji juga akan memanfaatkan rujukan kamus untuk mencari makna sebenar leksikal menyentuh. Jika dilihat maksud literal bagi leksikal menyentuh, ia merujuk kepada menyinggung atau mengenai sedikit; melanggar sedikit; menjamah; (contoh: dia tidak berani menyentuh barangan kaca itu) menyinggung (perasaan orang), mengganggu perasaan, menimbulkan sedikit perasaan (sedih, hiba, dsb) dengan mengatakan sesuatu; menyebut sesuatu perkara secara sepintas lalu (tidak secara terperinci) (Kamu Dewan Edisi Keempat, 2005). Setelah melihat kepada makna literal yang diberikan, ia jelas membawa interpretasi makna yang pelbagai. Walau bagaimanapun, menerusi leksikal menyentuh ini, dan dengan berbantuan pengalaman dan pengetahuan ensiklopedia yang sedia ada di dalam kognisi pembaca, pembaca dapat membina pengetahuan awal tentang topik yang sedang dibincangkan adalah berkaitan dengan jenayah cabul. Dalam hal ini, konteks ayat merujuk kepada perbuatan suspek yang bertindak menyentuh mangsa walaupun baru sahaja berjumpa untuk kali pertama. Suspek merupakan seorang lelaki dan tindakan suspek itu dianggap sebagai keterlaluan kerana ia melanggar kebudayaan dan kesusilaan dalam amalan sosial masyarakat di Malaysia yang majoritinya adalah Melayu. Tambahan lagi, setiap agama juga mengajar penganutnya untuk sentiasa menjaga kehormatan diri mereka. Pergaulan antara lelaki dan perempuan perlu dijaga agar ia tidak melampaui batas bertujuan mengelakkan berlakunya sesuatu yang tidak diingini misalnya perbuatan sentuhan yang boleh menaikkan nafsu seksual. Oleh sebab itu, jika sentuhan yang dilakukan menimbulkan perasaan tidak selesa kepada seseorang terutamanya di bahagian–bahagian sensitif, ia boleh dikategorikan sebagai jenayah seksual cabul.


Selain itu, penggunaan leksikal menyentuh juga bertujuan memperlihatkan perlakuan suspek meskipun leksikal yang digunakan kabur bagi menggambarkan ‘kejahatan’ yang dilakukan. Buktinya, keterangan mangsa yang menyatakan perbuatan suspek menyentuhnya telah memperlihatkan wujudnya “perbuatan” atau “perlakuan” yang dilakukan oleh suspek. Tambahan lagi, menjadi resam dalam masyarakat apabila menyapa individu yang dikenali sama ada dengan cara bersalaman mahupun memeluk. Namun, di Malaysia, bersalaman adalah perbuatan yang biasa dilakukan bertujuan memperlihatkan rasa hormat terhadap mereka yang lebih tua. Namun, bagi orang Islam, ia masih berlandaskan apa yang digariskan dalam ajaran agama khususnya.

Walaupun bagaimanapun, dalam konteks ayat ini, jelas memperlihatkan tindakan berani suspek yang menyentuh mangsa sehingga menyebabkan mangsa berasa terkejut. Meskipun mangsa tidak memikirkan sesuatu yang buruk daripada tindakan suspek tersebut, namun ia jelas memberikan gambaran tentang niat suspek ke atas mangsa iaitu untuk mencemarkan kehormatan mangsa dan ia boleh dianggap sebagai jenayah seksual cabul. Tindakan menyentuh oleh suspek ini menimbulkan andaian kepada pembaca bahawa perbuatan yang dilakukan terhadap mangsa adalah sesuatu yang di luar kesusilaan dan ia juga secara tidak langsung memberikan pengetahuan kepada pembaca bahawa suspek bukanlah seseorang yang mempunyai hub-

ungan yang rapat dengan mangsa. Tambahan lagi, untuk mengukuhkan lagi interpretasi makna leksikal menyentuh, konteks masa ujaran ini dilakukan juga perlu diambil kira. Hal ini kerana menurut Nor Hashimah (2003), konteks merupakan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar atau pembaca. Konteks yang terbina tidak terhad kepada maklumat persekitaran dan ujaran terdahulu, sebaliknya turut melibatkan hipotesis saintifik, pengalaman masa depan, kenangan, kepercayaan, dan andaian am tentang sesuatu budaya. Kesemua ciri ini digembleng secara bersama bagi menghasilkan interpretasi ujaran yang tepat dan bersesuaian dengan konteksnya.


Leksikal pertama jelas memperkukuhkan maklumat bahawa suspek adalah orang yang baru pertama kali ditemui. Pada pertemuan tersebut, suspek telah berani melakukan sesuatu ke atas mangsa yang baru dikenalnya. Kebiasaannya, seseorang yang baru dikenali tidak akan berbuat sesuatu yang boleh mengundang rasa tidak selesa kepada pihak lain. Namun, ia berbeza sekiranya suspek memang berniat untuk melakukannya ke atas mangsa. Maka, konsep leksikal menyentuh dalam data 1 di atas jelas menggambarkan jenayah seksual cabul.

Perbincangan diteruskan lagi dengan proses pemetaan domain. Bagi data 1, menyentuh melibatkan pemetaan domain BEKAS disasarkan ke domain CABUL. Leksikal menyentuh menunjukkan penggunaan metafora ontologi. Metafora ontologi berfungsi apabila sesuatu entiti yang abstrak dijadikan seperti benda yang konkrit. Entiti yang abstrak dalam ayat tersebut ialah menyentuh. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), menyatakan bahawa menyentuh ialah menyinggung sedikit, menjamah, melanggar dan memperkatakan secara sepintas lalu. Oleh itu, apabila konsep menyentuh yang sinonim dengan entiti konkrit seperti memegang diberikan kepada entiti abstrak menyentuh, maka leksikal tersebut menepati ciri metafora ontologi. Pemetaan ini menghasilkan metafora konsepsi CABUL ADALAH BEKAS. Selain itu, bagi data 1 juga melibatkan DAYA dipetakan atau disasarkan ke domain leksikal CABUL. Pemetaan ini menghasilkan metafora konsepsi CABUL ADALAH DAYA MENEKAN YANG BESAR, CABUL ADALAH BEKAS dan CABUL ADALAH PERBUATAN YANG MENEKAN EMOSI. Leksikal menyentuh menggambarkan wujudnya bebanan yang menekan emosi. Hal ini dipetakan menerusi emosi atau perasaan seseorang. Secara konseptualnya, seseorang itu pastinya akan mengalami masalah atau gangguan emosi apabila menjadi mangsa cabul. Maka itu, jenayah cabul adalah merupakan satu daya yang menekan emosi mangsanya. Berikut adalah merupakan pemetaan domain bagi data 1;



Rajah 4: Pemetaan Domain Data 1

Perbincangan diteruskan lagi dengan leksikal menyentuh menghasilkan dua jenis skema imej iaitu SKEMA IMEJ DAYA dan juga SKEMA IMEJ BEKAS dipetakan atau disasarkan ke domain leksikal CABUL. Pemetaan ini menghasilkan metafora konsepsi CABUL ADALAH BEKAS dan CABUL ADALAH DAYA. Penghasilan SKEMA IMEJ BEKAS adalah disebabkan oleh pengalaman manusia terhadap badan manusia itu sendiri sebagai bekas, pengalaman manusia berada di dalam lokasi tertutup seperti bilik dan sebagainya dan meletakkan objek-objek itu di dalam bekas. Walau bagaimanapun, konsep BEKAS dalam frasa tersebut tidak dizahirkan tetapi disebabkan penggunaan perkataan menyentuh saya yang merujuk kepada perbuatan memegang sesuatu dalam bekas (tubuh badan), maka, SKEMA IMEJ BEKAS sesuai digunakan. SKEMA IMEJ BEKAS ini juga menekankan tindakan suspek dalam kejadian tersebut yang menyentuh mangsa tanpa kerelaannya. Sementara itu, SKEMA IMEJ DAYA pula menekankan emosi yang dialami oleh mangsa cabul. SKEMA IMEJ DAYA ini mengaitkan elemen-elemen seperti sumber dan sasaran daya, serta pergerakan sumber dan sasaran. Rajah 5 dibawah adalah merupakan penggabungan SKEMA IMEJ DAYA dan SKEMA IMEJ BEKAS bagi leksikal menyentuh.



Rajah 5: Skema Imej BEKAS dan Skema Imej DAYA bagi frasa ‘menyentuh saya’


Proses metarepresentasi bagi leksikal menyentuh ini menghasilkan SENTUHAN MELAMBANGKAN CABUL, PERBUATAN YANG MENCEMARKAN KEHORMATAN DIRI SEORANG PEREMPUAN MELAMBANGKAN CABUL, PERBUATAN YANG MELANGGAR ADAT KEBIASAAN MELAMBANGKAN CABUL dan MELAMBANGKAN CABUL PERBUATAN SECARA TIBA-TIBA. Metonimi konsepsi yang melibatkan pemetaan domain sumber yang konkrit ke domain sasaran yang bersifat konkrit ini berperanan sebagai fenomena rujukan iaitu sesuatu entiti itu digantikan dengan salah satu ciri atau sifat rujukan tersebut. Maka, domain sumber MENYENTUH SAYA dipetakan ke domain sasaran iaitu CABUL bertujuan mewujudkan hubungan konsepsi ‘merujuk’ atau ‘melambangkan’.

Seterusnya, bagi memahami makna konteks leksikal mengaibkan kehormatannya, proses yang terlibat ialah proses penyempitan makna. Dalam ujaran ini, berlaku ketaksaan iaitu pada leksikal mengaibkan kehormatannya. Konteks yang menunjukkan penggunaan leksikal ini adalah merujuk kepada perbuatan suspek terhadap mangsa. Berdasarkan pemahaman konteks ujaran di atas, leksikal mengaibkan kehormatannya sebenarnya telah sedia ada dalam ensiklopedia pembaca, iaitu berkaitan satu perbuatan yang serius yang menjatuhkan maruah seseorang. Kehadiran leksikal video dan lucah jelas mengukuhkan maklumat pembaca bahawa mengaibkan dan kehormatan mendukung makna perlakuan kerana ia memperlihatkan wujudnya perilaku yang berbentuk tindakan atau lakuan secara harfiahnya. Entri leksikal mengaibkan dan kehormatan merangkumi menghina, menodai, memalukan, mencerca, mencela, dan juga mendatangkan aib kepada seseorang. Kesemua yang berada dalam entri leksikal ini boleh dirujuk sebagai perbuatan yang menjatuhkan maruah seseorang. Maka, didapati bahawa leksikal mengaibkan dan kehormatan bermaksud perbuatan tidak senonoh yang menjatuhkan maruah seseorang. Hal ini sama seperti jenayah seksual cabul iaitu satu perbuatan keji lagi kotor yang, tidak senonoh, tidak sopan, atau kata-kata yang melanggar adat kebiasaan (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2008).

Perbincangan diteruskan lagi dengan proses pemetaan domain. Lakoff dan Johnson (1980) menyatakan bahawa metafora konsepsi terdiri daripada tiga jenis iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Metafora orientasi merujuk kepada peluasan makna atau konsep orientasi seperti DALAM-LUAR, ATAS-BAWAH, HADAPAN-BELAKANG kepada domain bukan ruang. Metafora ontologi pula ialah pengkonseptualisasian benda yangn abstrak seperti emosi, fenomena dan persekitaran menjadikannya seperti benda yang konkrit misalnya ruang, bekas, atau tempat. Metafora struktural pula merujuk kepada pengambilan item-item yang banyak berstruktural dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain bertujuan memahami sesuatu konsep yang lain.

Bagi data 2 mengaibkan dan kehormatan, metafora konsepsi yang terhasil melibatkan pemetaan do-

main DAYA dipetakan atau disasarkan kepada domain CABUL dan domain BEKAS dipetakan atau disasarkan kepada domain CABUL. Pemetaan ini menghasilkan metafora konsepsi CABUL ADALAH DAYA dan CABUL ADALAH BEKAS. Berdasarkan pengalaman kognitif, mengaibkan kehormatannya, mengkonsepsikan perbuatan yang menjatuhkan maruah seseorang. Ini kerana data 2 merujuk kepada perbuatan suspek yang sengaja menunjukkan video lucah terhadap mangsa. Mangsa yang melihat video lucah tersebut pastinya akan mengalami tekanan emosi (<http://www.myhealth.gov.my/kesan-emosi-terhadap-mangsa-gangguan-seksual/>). Berikut adalah merupakan proses pemetaan domain bagi data 2;



Rajah 6: Pemetaan Domain Data 2

Seterusnya, leksikal mengaibkan dan kehormatan turut menghasilkan dua jenis skema imej iaitu SKEMA IMEJ DAYA dan juga SKEMA IMEJ BEKAS dipetakan atau disasarkan ke domain leksikal CABUL. Pemetaan ini menghasilkan metafora konsepsi CABUL ADALAH BEKAS dan CABUL ADALAH DAYA. Berdasarkan pengalaman kognitif, mengaibkan kehormatannya, mengkonsepsikan perbuatan yang menjatuhkan maruah seseorang. Ini kerana data (b) merujuk kepada perbuatan suspek yang sengaja menunjukkan video lucah terhadap mangsa. Mangsa yang melihat video lucah tersebut pastinya akan mengalami tekanan emosi. Berikutan itu, proses perubahan penyampaian bagi data (b) menghasilkan SKEMA IMEJ DAYA yang menekan emosi mangsa dan SKEMA IMEJ BEKAS yang menggambarkan konsep bekas dalam ayat tersebut diberikan kepada video lucah yang mana perbuatan suspek yang ‘menunjukkan’ bermaksud perbuatan itu dilakukan di dalam bekas (video) dan tidak dikeluarkan dari bekas tersebut. Ini menepati ciri skema imej bekas yang dinyatakan oleh Johnson (1987:21) iaitu skema imej bekas terbentuk daripada pengalaman manusia terhadap badan manusia itu sendiri sebagai bekas, pengalaman manusia berada di dalam lokasi tertutup seperti bilik dan sebagainya, dan meletakkan objek-objek itu di dalam bekas. Rajah 7 di bawah menunjukkan SKEMA IMEJ DAYA dan SKEMA IMEJ BEKAS bagi leksikal mengaibkan dan kehormatan.


Proses metarepresentasi bagi leksikal menyentuh ini menghasilkan PERBUATAN MENUNJUKKAN VIDEO LUCAH MELAMBANGKAN CABUL. Metonimi konsepsi ini adalah merupa-

kan gambaran tindakan suspek yang berniat untuk mencemarkan kehormatan mangsa dengan menunjukkan video lucah tersebut. Metonimi konsepsi ini juga melibatkan pemetaan domain sumber yang konkrit ke domain sasaran yang bersifat konkrit juga. Maka, domain sumber MENGAIBKAN KEHORMATANNYA dipetakan ke domain sasaran iaitu PERBUATAN MENUNJUKKAN VIDEO LUCAH bagi mewujudkan hubungan konsepsi ‘merujuk’ atau ‘melambangkan’



Rajah 7: Penggabungan SKEMA IMEJ BEKAS dan SKEMA IMEJ DAYA

Seterusnya, konsep pemetaan leksikal. Oleh kerana semantik leksikal merupakan satu bidang yang mengkaji makna kata, maka, menerusi data-data tersebut, pemetaan konsep leksikal dilakukan bagi melihat makna sebenar leksikal cabul menggunakan konsep pemetaan leksikal yang diperkenalkan oleh Heider (2006). Berikut adalah merupakan pemetaan makna leksikal cabul;



Rajah 8: Pemetaan leksikal CABUL

Rajah 8 di atas memperlihatkan pemetaan leksikal CABUL sebagai ‘cluster’. Cluster ini ditakrifkan sebagai tiga atau lebih perkataan dengan hubungan bersama, ditambah dengan cawangan dan ranting yang bergantung kepada mereka, cluster paling mudah adalah segitiga. Terdapat enam (6) kata dan setiap garis yang bermula daripada leksikal CABUL menunjukkan hubungan yang rapat dengan kata tersebut. Kata tersebut adalah memeluk, mencium, menyentuh, memegang, kekerasan jenayah dan mencabul. Nombor yang terdapat pada setiap hujung garis adalah bilangan jumlah kata yang dijumpai dan kerap kali digunakan dalam berita bagi menggambarkan jenayah seksual cabul. Leksikal memegang mencatatkan bilangan jumlah sebanyak 7 (tujuh) kali manakala leksikal memasukkan jari mencatatkan bilangan jumlah sebanyak dua (2) kali. Ini membuktikan bahawa kata yang mempunyai hubungan yang maksimum dan sering digunakan bagi menggambarkan jenayah seksual CABUL adalah kata yang mudah untuk difahami oleh pembaca dan sememangnya berada dalam kognitif pembaca.

Selain itu, menerusi pemetaan konsep leksikal ini juga memperlihatkan bagaimana sesuatu ayat itu dibina daripada kata sehingga membentuk satu frasa, klausa dan akhirnya menjadi satu ayat yang bermakna dan boleh difahami oleh masyarakat. Misalnya dalam kajian ini, frasa “pada pertemuan pertama itu, dia sudah bertindak berani menyentuh saya” dan “lelaki berusia 31 tahun itu didakwa mencabul mangsa 21 tahun dalam tandas secara memeluk dari arah depan sebelum menekup mulut wanita itu di tingkat satu kom-

pleks beli belah.’’ Kedua-dua frasa ini memperlihatkan peranan leksikal-leksikal tersebut sebagai predikat dalam ayat. Ayat pertama mengandungi satu subjek dan satu predikat. Subjek ayat ini adalah Dia manakala predikatnya pula adalah sudah bertindak berani menyentuh saya. Ayat ini adalah merupakan kumpulan ayat pasif songsang separa pelaku kedua. Pola ayat ini terdiri daripada Frasa Nama (FN) + Frasa Kerja (FK) iaitu frasa ‘‘Dia’’ sebagai subjek dan sudah bertindak berani menyentuh saya adalah merupakan frasa kerja pasif yang terdiri daripada kata bantu ‘‘sudah’’. Bagi frasa kerja yang bertindak sebagai predikat pula, terdapat frasa sendi nama iaitu pertemuan pertama yang berfungsi sebagai kata keterangan waktu kepada frasa kerja pasif. Ayat ini boleh ditukar menjadi ayat aktif transitif susunan biasa seperti ‘‘Dia sudah bertindak berani menyentuh saya pada pertemuan pertama itu.’’

Disamping itu, pemetaan konsep leksikal dalam rajah 8 ini juga secara tidak langsung memperlihatkan beberapa leksikal yang sering digunakan bagi menggambarkan jenayah cabul. Hal ini kerana leksikal-leksikal tersebut dianggap membawa makna yang seerti dalam mentakrifkan jenayah seksual cabul. Leksikal-leksikal tersebut adalah menyentuh dan memegang. Dalam rajah ini menunjukkan leksikal menyentuh dan memegang memperlihatkan perbezaan kerana tidak mempunyai maksud yang sama namun kedua-duanya mempunyai hubungan antara satu sama lain kerana kedua-duanya merujuk kepada perbuatan. Leksikal mencabul dan kekerasan jenayah pula adalah dua perkataan yang memperlihatkan hubungan secara terus dengan jenayah seksual cabul namun ia tidak memperlihatkan perkaitan dengan mana-mana leksikal yang terdapat dalam rajah tersebut. Sementara itu, rajah ini juga memperlihatkan leksikal cabul sebagai cluster membentuk ‘‘segi tiga’’ mudah bersama dengan leksikal-leksikal menyentuh dan memegang serta memeluk dan mencium bersama-sama dengan cabang dan rantingnya kerana mempunyai hubungan bersama antara satu sama lain.

Kesimpulan

Pengaplikasian semantik kognitif dengan memanfaatkan Teori Prototaip dibantu dengan konsep pemetaan leksikal dilihat mampu membantu pembaca melakukan interpretasi semantik dan inferensi pragmatik dalam usaha untuk memahami makna sebenar sesuatu ujaran. Hasil analisis menunjukkan pengelompokan makna leksikal cabul yang digunakan oleh penulis berita melibatkan satu makna teras cabul iaitu mencabul dan makna pinggirannya sebanyak tujuh iaitu memegang, menyentuh, memeluk, mencium, serangan seksual, kekerasan jenayah dan persetubuhan luar tabii. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa leksikal cabul mempunyai makna yang pelbagai bagi menggambarkan jenayah seksual cabul. Maka, wajarlah sekiranya makna leksikal tersebut diperhalusi bagi memperlihatkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh seseorang penulis berita. Pengkategorian dan pemetaan makna leksikal cabul dalam kajian ini juga te-

lah mengkonsepkan cabul melalui metafora konseptual CABUL ADALAH DAYA YANG MENEKAN, SENTUHAN MELAMBANGKAN CABUL, CABUL ADALAH BEKAS dan CABUL ADALAH PERBUATAN YANG BERLAKU SECARA TIBA-TIBA. Pengaruh penggunaan metafora lebih besar kerana masyarakat dapat menggambarkan isu yang kompleks dengan lebih jelas. Kajian ini juga menggunakan metafora CABUL ADALAH DAYA YANG MENEKAN dan CABUL ADALAH PERBUATAN YANG BERLAKU SECARA TIBA-TIBA bagi melihat pandangan masyarakat dalam menanggapi isu jenayah cabul yang berlaku. Hasil kajian ini juga mendapati masyarakat memilih hukuman yang berat kepada pesalah misalnya hukuman penjara bagi penggunaan metafora CABUL ADALAH DAYA YANG MENEKAN. Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan metafora yang berbeza dalam mengkonsepkan sesuatu isu itu akan menghasilkan tindak balas yang berbeza-beza daripada pembaca amnya, masyarakat khususnya.

Rujukan

- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim, Ra'in Shaari. (2009). *Semantik dan Pragmatik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Aman, I. (2014). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Armstrong. (2009). *Managing Meaning: The Use of Metaphor in Criminal Justice Policy*. United Kingdom: University of Glasgow.
- Aziah Tajudin, Mohd. Fazli Tajuid. (2016). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blauenfeldt, A. (2014). *Violent Rapists and Depraved Paedophiles: Linguistic Representation of Sex Offenders in the British Tabloid Press*. Malmö University.
- Cangara, Hafied. (2002). *Pengantar Ilmu Komunikasi*. Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.
- Cartson, R. (2009). *Metaphor, Simile and Metarepresentation Dalam Stover, Hanna. 2010. Metaphor and Relevance Theory : A New Hybrid Model*. University of Bedfordshire.
- Chaer, A. (1994). *Lingusitk Am*. Jakarta : Penerbit Rineka Cipta.
- Chaer, A. (2002). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta : Rineka Cipta.
- F. H George. (1964). *Semantics (Teach Yourself Books)*. London : English University Press.
- Fairclough,N. (1995). *Media Discourse*. London: Arnold.
- Fatimah, D. (1993). *Metode Linguistik : Ancangan Metode Penelitian dan Kajian*. Jakarta : Refika Aditama.
- Fowler, R. (1991). *Language In The News: Discourse and Ideology in the Press*. New York: Routledge.
- George Lakoff & Mark Johnson. (1980). *We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.

- Gibbs & Steen. (2013). (dalam Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin (2013:24) Metafora KASIH dalam Teks Melayu Tadisional: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik*, 19-28.
- Hülse & Spenser. (2008). *The Metaphor of Terror: Terrorism Studies and The Constructivist Turn*. Munich: Ludwig-Maximilians-Universität.
- Jalaluddin, N. H. (1992). *Semantik dan Pragmatik : Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John, L. (1995). *Linguistic Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Johnson, Mark. (1987). *The Body In The Mind: The Bodily Basis of Meaning, Imagination and Reason*. Chicago: University of Chicago Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1989). *Semantic Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kempson, R.M. (1991). *Teori Semantik (Zaiton Abdul Rahman, penterj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kitzinger, J. (1999). *The ultimate neighbour from hell? Stranger danger and the media representation of 'paedophilia'*. London: Routledge.
- Kovecses, Z. (2000). *Metaphor and emotion : language, culture and body in human feeling*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lakoff. (1987). *Women, Fire and Dangerous Things. What categories reveal about the mind*. Chicago: University Of Chicago.
- Lehrer, A. (1974). *Semantic Fields and Lexical Structure*. Amsterdam : North Holland.
- Lyons, J. (1968). *Introduction to Theoretical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Malaysia, P. D. (2017).
- Meyer, A. (2010). Evil Monsters and Cunning Perverts: Representing and Regulating The Dangerous Paedophile. *Sociology of Crime, Law and Deviance*, 195-217.
- My Metro*. (n.d.). Retrieved from Harian Metro: www.hmetro.com.my
- Odgers, W.B. (1911). *The Common Law Of England*. London: Sweet and Maxwell Limited.
- Ogden dan Richards. (1956). *The Meaning of Meanings*. London: Routledge and Kegan Paul Ltd.
- O'Hara, S. (2012). Monsters, playboys, virgins and whore: Rape myths in the news media's coverage of sexual violence. *Language and Literature*, 247-259.
- Ortony, Andrew, Gerald L. Clore and Allan Foss. (1988). *The Cognitive Structure of Emotions*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Palmer, F.R. (1976). *Semantics : A New Outline* . Cambridge: Cambridge University Press.

- Rahman, Z. A. (1991). *Teori Semantik Terjemahan Kempson, R.M.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozaimah Rashidin, Nor Hashimah Jalaluddin . (2013). Metafora KASIH Dalam Teks Melayu Tradisional: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik*, 19-28.
- Rozaimah, R. (n.d.). *Nota Kuliah Teori Hibrid : Suatu Pengenalan.* Shah Alam: Akademi Pengajian Bahasa (UiTM).
- Sellappan, N. (2001). *Makna dalam Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thibodeau PH, Boroditsky L. (2011). *Metaphors We Think With: The Role of Metaphor in Reasoning.* PLoS ONE Vol 6(2).
- Ullmann, S.,. (1962). *Semantics : An Introduction to the Science of Meaning .* Oxford: Basil Blackwell.
- Verhaar, J.W.W . (1988). *Pengantar Linguistik.* Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- William, Croft. (1999). *Grammatical and Lexical Semantic.* Berlin: Walter de Gryter.